



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	-			

Ungka Tangan Putih lahir kembar di Zoo Melaka kes pertama Asia

Sinar, 28 Sept
2021_28

MELAKA - Zoo Melaka mencipta sejarah apabila seekor ungka spesies Tangan Putih yang lebih 10 tahun berada di zoo itu pertama kali melahirkan kembar tiga minggu lalu.

Yang Dipertua Majlis Perbadaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman berkata, lebih menggemirakan apabila kelahiran itu dipercayai pertama di benua Asia.

Menurutnya, kembar yang lahirkan pada waktu pagi itu belum diberikan nama dan pihaknya ber-cadang mengadakan pertandingan memberikan nama haiwan itu setelah keadaan dua anak ungka itu yang masih menyusu badan sihat.

"Bukan haiwan ini sahaja malah sebelum ini Kambing Gurun yang semakin pupus juga telah melahirkan anak selain monyet Capuchin," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini pada Isnin.

Sementara itu, Perunding Zoologi Zoo



Ungka Tangan Putih lahirkan kembar di Zoo Melaka.

Melaka, Azman Ghazale berkata, kembar itu juga merupakan kelahiran ketiga oleh Ungka Tangan Putih yang manja dipanggil Sandy.

Menurutnya, Sandy diletakkan di pulau ungka dengan persekitaran semula jadi bersama spesies Ungka Tangan Hitam dan Siamang.

Azman memberitahu, kelahiran dan binatang yang bunting sebenarnya menunjukkan setiap binatang di zoo ini dijaga dan dipelihara dengan baik ke-

rana binatang yang sihat mudah untuk membiak.

Mengulas lanjut, Azman berkata, setiap penjagaan haiwan dititikberatkan dan akan melakukan persiapan jika ada binatang yang sedang bunting bagi memudahkan membuat persediaan dan pemantauan rapi.

"Walaupun kembar itu telah lahir sejak beberapa minggu lalu namun kita sentiasa pantau dari jauh dan melihat ibunya menyusukan anak dengan baik," katanya.